

08/07/1999

Media Singapura jejaskan hubungan

SEJARAH tidak mampu diubah apatah lagi dipadamkan. Satu ketika dalam lipatan sejarah Kesultanan Melayu di Asia Tenggara, Singapura yang dikenali Temasek ketika itu, diperintah sultan Melayu. Menyingkap sejarah silam, Singapura tidak bersultan selepas perjanjian Syarikat Hindia Timur dengan Sultan Hussein Shah dan Temenggung Abdul Rahman pada 2 Ogos 1824. Selepas menyerahkan Singapura kepada kompeni Inggeris itu, kuasa dan kedaulatan baginda hilang.

Hari ini pulau Singa tidak diperintah kerajaan beraja. Tidak ada siapapun orang Melayu bergelar Sultan Singapura. Tetapi pemimpin dan rakyat negara itu tidak boleh lupa sistem pemerintahan beraja inilah yang pernah wujud dan perlu dipertahankan sebagai fakta sejarah. Walaupun jumlah orang Melayu di Singapura kini kecil berbanding Cina, masih ada keturunan generasi Sultan Hussein di situ. Apa yang pasti, Singapura yang majoritinya diduduki dan dipimpin bangsa Cina walaupun berjaya mengukir nama, permulaan tamadunya digerakkan di bawah pemerintahan Melayu.

Barangkali fakta ketuanan Melayu inilah yang tidak lagi dapat diterima dan disenangi pemimpin dan penduduk Cina sehingga apabila isu Kampung Glam dilaporkan media massa Malaysia, ramai tidak senang. Barangkali juga mereka mahu generasi Singapura hanya mengenal sejarah Raffles dan bukan ketuanan Melayu. Lantaran itu, apabila media kita melaporkannya, ia dilihat sebagai percubaan Malaysia campur tangan. Media dianggap perancang dan instrumen membangkitkan kemarahan orang Melayu Singapura seterusnya menggugat perpaduan kaum di sana.

Sebagai bangsa Melayu di Malaysia yang majoritinya beragama Islam, kita memang prihatin masalah siapapun orang Melayu di seluruh dunia, tidak terkecuali Singapura. Sememangnya perasaan dan cintakan bangsa serumpun bukan terhad kepada bangsa Melayu saja. Bangsa lain juga sayang dan prihatin masalah sebangsa mereka. Lebih-lebih lagi, ramai orang Melayu Singapura mempunyai hubungan persaudaraan di Malaysia.

Bagaimanapun dalam isu Kampung Glam, setinggi manapun rasa simpati dan kasihan serta keprihatinan kita terhadap orang Melayu, tidak ada hak langsung untuk Malaysia campur tangan. Seperti Malaysia sendiri tidak mahu orang lain masuk campur masalah dalamannya, kita mahu Singapura juga mesti bersikap sedemikian. Dalam isu ini, Malaysia tidak mempunyai sebarang motif. Media massa kita hanya melaporkan rasa tidak senang Melayu Singapura dengan ketuanan bangsa yang menjadi satu warisan, cuba dilenyapkan. Bagi kita, episod sedih Istana Kampung Glam di Jalan Sultan Gate itu memang menghiris perasaan setiap Melayu di pulau itu dan tempias turut dirasakan di Malaysia. Kita sekadar tumpang sedih istana nostalgik warisan turun-temurun itu akan hilang hanya kerana ia terpaksa dilanda arus pembangunan. Pemimpin dan Melayu Malaysia akur tiada apa yang boleh dilakukan bagi membantu mempertahankannya. Walaupun Melayu di negara ini mempunyai kuasa politik sebagai senjata bernilai mempertahankan hak bangsa, ia tidak boleh digunakan bagi mempertahankan hak orang lain. Lagipun di Malaysia sendiri, banyak lagi masalah orang Melayu yang menuntut diselesaikan segera dan apakah kewajarannya untuk kita campur tangan dan sengaja mengundang masalah dengan apa yang berlaku di Singapura.

Persoalannya, jika media massa Malaysia dituduh jahat dan membelakangkan kepentingan hubungan dua negara, apakah media Singapura selama ini amat beretika. Isu meritokrasi, pembukaan Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur di

Sepang, isu Pusat Kuarantin, Imigresen dan Kastam (CIQ) di Tanjung Pagar, larangan penggunaan ruang udara Malaysia, soal air dan beberapa isu lain, yang sepatutnya tidak diperbesarkan, menjadi hangat apabila media negara itu memperbesarkannya. Mereka juga menulis menggambarkan kegawatan ekonomi dan masalah kewangan kita malah memperbesar cerita reformasi serta huru-hara di Kuala Lumpur. Dan yang terbaru mereka mempersoalkan pula tempoh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadi Perdana Menteri. Tidak keterlaluan kita katakan isu yang ditimbul media Singapura banyak menjejaskan hubungan erat dua negara ini. Atas perbuatan mereka itu, syak wasangka cepat menular di peringkat kerajaan dan rakyat kedua-dua negara. Lebih memalukan media massa mereka bertindak seolah-olah badan berkuasa menentukan dasar republik itu. Mereka pernah menyuruh Kerajaan Malaysia 'tutup mulut' apabila isu pencerobohan pesawat Tentera Udara Republik Singapura (RSAF) di ruang udara Malaysia. Pengamal media mereka dilihat lebih berkuasa daripada kerajaannya. Mereka juga terlalu mempertahankan ego pemimpin Singapura walaupun tindakan boleh mengundang 'bencana' kepada masa depan rakyat, pemimpin dan negara mereka sendiri.

(END)